

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS
@ TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pemantauan Kerajaan terhadap puluhan tabung atau bantuan kutip derma pandemik COVID-19 yang dilancarkan oleh badan NGO atau organisasi kerja amal dan persendirian, dan adakah dana yang dikumpul disalurkan kepada kumpulan tersasar.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan mengambil perhatian mengenai tabung dan bantuan kutipan derma untuk membantu pengurusan penularan COVID-19 yang diuruskan oleh pihak NGO dan organisasi lain. Di pihak Kerajaan pula, kita telah melancarkan Tabung COVID-19 di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk menggalakkan syarikat swasta dan rakyat menyumbang bagi sama-sama membantu menangani pandemik tersebut.
2. Kerajaan memahami keprihatinan pelbagai pihak dalam memberi sumbangan sama ada dalam bentuk kewangan mahupun bukan kewangan termasuk barangan perubatan seperti pelitup muka, sarung tangan, ventilator dan sebagainya. Pihak NGO dan organisasi lain umumnya akan mendapatkan sumbangan kewangan atau sumbangan bukan kewangan daripada ahli mereka atau terbuka kepada rakyat. Sumbangan tersebut kemudiannya akan disalurkan kepada pihak hospital, agensi petugas barisan hadapan (*frontliners*) dan rakyat yang terkesan dengan pandemik tersebut. Setakat ini, kerajaan tidak menerima sebarang aduan penyalahgunaan sumbangan-sumbangan tersebut.
3. Dari segi pemantauan, Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menetapkan garis panduan yang perlu dipatuhi dalam pengurusan sumbangan seperti mana berikut:
 - i. Garis Panduan Khas Permohonan Potongan Cukai Pendapatan Bagi Projek Komuniti / Amal Untuk Menangani Wabak COVID-19; dan

- ii. Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan di bawah Subseksyen 44 (11C) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 Bagi Tabung Relief COVID-19.

4. Bagi penubuhan tabung-tabung di bawah MOF dan LHDN ini, terdapat sistem permohonan, pendaftaran, semakan akauntabiliti, penguatkuasaan dan had tempoh telah disediakan bagi mana-mana entiti yang membuka Tabung COVID-19 bagi tujuan kutipan sumbangan serta potongan cukai kepada penyumbang.

5. Bagi entiti yang membuka Tabung COVID-19 dan tidak mengemukakan permohonan bagi pengecualian cukai, Surat Pekeliling Am, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 6 Tahun 1987 (SPA JPM 6/1987) mengenai peraturan mengutip derma oleh pertubuhan dari orang ramai adalah terpakai. Di bawah surat pekeliling am ini, penguatkuasaannya terletak di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia, Pendaftar Pertubuhan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Libaran, MOF dan LHDN sedang menambahbaik prosedur dan kawal selia penubuhan tabung sumbangan yang meliputi bidang kuasa kerajaan negeri dan juga kaedah penutupan tabung serta penyaluran bakinya kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

7. Kerajaan juga memberi nasihat agar orang ramai merujuk pihak berautoriti seperti MOF dan LHDN dan lain-lain agensi seperti mana garis panduan Surat Pekeliling Am JPM yang saya sebutkan tadi dan garis panduan yang dikeluarkan oleh MOF dan LHDN sebelum sebarang sumbangan dibuat.

Sekian, terima kasih.